



AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Accountant General's Department Malaysia  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No 1, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62594 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1002  
Faks : 603-8889 5821  
Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.BPAD.600-18/1/1 (25)  
Tarikh : 28 Februari 2020

Semua Ketua Akauntan Kementerian  
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tuan,

**TANGGUNGJAWAB MELULUS PERMOHONAN PEMUSNAHAN REKOD SERTA  
TUGAS LAIN BERKAITAN PENGURUSAN DOKUMEN KEWANGAN DAN  
PERAKAUNAN PUSAT TANGGUNGJAWAB.**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Selaras dengan itu fungsi Bahagian JANM, Bahagian Akaun Kementerian (BA) dan JANM Negeri/Cawangan akan disusun semula mengikut keperluan dan kesesuaian dari masa ke semasa.
3. Mulai **1 April 2020** BA dan JANM Negeri/Cawangan adalah bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan pemusnahan rekod serta tugas lain berkaitan dengan pengurusan dokumen kewangan dan perakaunan pusat tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan pejabat perakaunan masing-masing. Ini akan memudahkan PTJ menjalankan urusan dengan pejabat perakaunan.
4. Sehubungan dengan itu, BPAD akan memberikan taklimat mengenai maklumat pemindahan fungsi tersebut dalam Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bil. 1/2020 dan Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2020. Bersama-sama ini, disertakan nota taklimat untuk rujukan serta perancangan tuan.
5. Adalah diharapkan pihak tuan akan memberikan sepenuh kerjasama di dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Sebarang pertanyaan pihak tuan adalah diminta untuk menghubungi Puan Hamidah Binti Noh di talian 03-8886 9501 atau Encik Mohd Hisyamuddin Bin Awang Bakar di talian 03-8886 9503.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

  
**DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA** C.A.(M)  
Akauntan Negara Malaysia